



Peluang kedua buat insan malang

Manusia mana yang tidak melakukan kesalahan! Kita akui dadah adalah najis dan musuh utama masyarakat, malah bilangan penagih juga dikatakan semakin meningkat dengan munculnya pelbagai variasi dadah dalam pasaran namun persoalannya apa nasib dan masa depan bekas penagih yang mahu kembali ke pangkal jalan? Tatkala kita bertekad melancarkan jihad memerangi dadah jangan lupa tentang tanggungjawab kita terhadap bekas penagih yang mengharapkan peluang kedua daripada masyarakat untuk meneruskan kehidupan mereka.

Hakikatnya tiada seorangpun yang dilahirkan sebagai penagih dadah. Pelbagai faktor persekitaran seperti keluarga dan pengaruh rakan menyebabkan seseorang individu itu terbabit dengan najis dadah. Akibatnya keluarga dan masyarakat mula menjauhkan diri dan membuang mereka, malah label sebagai penagih itu seolah-olah akan menjadi sebagai gelaran 'tetap dan berpujian' iaitu kekal selama-lamanya. Ini menyebabkan bekas penagih yang sudah pulih, insaf dan mahu berubah tidak mendapat peluang sewajarnya mengakibatkan akhirnya mereka terjerumus kembali ke dunia gelap mereka bersama teman lama yang lain. Ia ditambah lagi dengan persekitaran di mana majikan juga kelihatan berat hati mengambil mereka bekerja. Ini menggambarkan seolah-olah orang yang pernah terlibat dengan dadah gelap masa depannya atau sudah tidak ada lagi masa depan untuk mereka. Maka sekali lagi persoalannya apakah golongan bekas penagih ini wajar menerima nasib seperti ini? Apakah wajar untuk masyarakat terus memandang negatif kepada mereka yang mahu kembali ke pangkal jalan? Kenapa majikan terlalu sukar untuk percaya dan menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka? Persoalan seperti ini perlu dirungkai dengan segera supaya kita berlaku adil kepada golongan yang mahu berubah. Dalam konteks ini sebagai masyarakat bertanggungjawab dan prihatin kita perlu lapang dada menerima kembali bekas penagih dan memberi peluang kedua kepada mereka.

Penulis yakin semuanya bermula daripada keluarga bekas penagih itu sendiri. Hakikatnya kaum keluarga adalah kumpulan individu yang paling rapat dengan bekas penagih termasuk mempunyai talian darah jadi mereka perlu menjadi orang pertama yang menerima kembali bekas penagih ini sebagai ahli keluarga mereka. Jangan sesekali ahli keluarga sendiri yang mula menjauhkan diri, membuang mereka apatah lagi menghina

kerana terlibat dengan dadah sebelum ini. Percayalah tindakan kejam seperti itu hanya akan memburukkan lagi keadaan dan sekali gus menghancurkan masa depan mereka. Hal ini kerana harapan mereka akan punah dan mereka akan mudah terdorong kembali mendampingi najis dadah sebagai jalan penyelesaian kepada masalah dan tekanan yang mereka hadapi yang berpunca daripada sikap keluarga sendiri.

Jadi sebagai ahli keluarga terimalah mereka dengan seadanya. Berilah mereka peluang kedua untuk membetulkan kesilapan lampau mereka. Berilah sokongan, semangat dan kekuatan yang mereka perlukan terutama dari segi emosi dan rohani. Dalam hal ini satu perkara yang paling mustahak keluarga perlu bertindak sebagai benteng utama dalam mempertahankan dan membersihkan nama bekas penagih ini di mata masyarakat sekeliling.

Seterusnya kita juga berharap agar masyarakat juga akan lebih matang dan prihatin dengan nasib golongan ini. Kita akui mereka sudah melakukan kesilapan, malah mungkin ada dalam kalangan mereka yang pernah menyusahkan anggota masyarakat dengan pelbagai kesalahan mahupun jenayah sebelum ini, tetapi itu tidak menjustifikasikan kita untuk terus memandang serong dan negatif terhadap mereka. Mereka juga ada hak untuk diberi peluang kedua. Jadi

marilah kita maafkan mereka dan buang jauh-jauh pandangan negatif kita terhadap golongan bekas penagih ini. Terima dan layanlah mereka dengan sewajarnya agar mereka dapat pulihkan keyakinan mereka untuk berhadapan dengan masyarakat.

Hal ini penting kerana pelbagai hasil kajian selama ini menunjukkan salah satu punca dan faktor utama yang mendorong seorang bekas penagih yang berjaya dipulihkan kembali menjadi penagih adalah kerana sikap masyarakat yang secara berterusan memandang negatif, mengeji dan menghina serta membuang mereka. Jadi, masyarakat sebenarnya mempunyai tanggungjawab besar dalam membantu memulihkan golongan bekas penagih secara tetap dan selamanya.

Golongan bekas penagih yang berjaya dipulihkan dan keluar dari pusat pemulihan kebiasaannya akan berhadapan dengan masalah kesukaran untuk mendapat peluang pekerjaan. Ia kerana majikan masih tidak percaya, fobia dan takut memberi peluang pekerjaan kepada mereka. Ini menyebabkan golongan ini terlalu sukar mendapat peluang pekerjaan dan akhirnya kembali tertekan hingga boleh membawa mereka kembali kepada najis dadah sebagai jalan penyelesaian. Ia tidak mustahil berlaku kerana mereka sememangnya memerlukan apa jua peluang pekerjaan untuk menyara diri dan

meneruskan kehidupan normal seperti orang lain. Jadi besarlah harapan kita agar golongan majikan akan lebih terbuka dan boleh menerima bekas penagih ini sebagai pekerja mereka.

Bagilah peluang kedua untuk mereka bangkit membina kembali kehidupan mereka yang hampir saja musnah disebabkan najis dadah. Lakukanlah ini sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat kita kepada masyarakat dan negara. Buanglah jauh-jauh segala persepsi dan tanggapan negatif terhadap golongan ini.

Dalam konteks ini, kita juga berharap agar pihak kerajaan dapat memberi pelbagai galakan dan insentif kepada majikan yang sanggup menerima bekas penagih sebagai pekerja mereka. Kita yakin ini sedikit sebanyak akan memberi motivasi dan sekali gus menambah bilangan majikan yang tampil membuka peluang kepada bekas

penagih. Penulis percaya hal ini cukup penting dan boleh jadi faktor utama yang membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada bekas penagih. Diharap lebih banyak lagi majikan akan tampil menjalankan kerjasama strategik dengan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) untuk tujuan itu.

Secara umumnya golongan bekas penagih juga wajar mendapat peluang kedua untuk membina kehidupan baru. Sekali membuat salah tidak semestinya mereka akan salah selamanya lebih-lebih lagi apabila berjaya dipulihkan oleh pihak berkuasa dan mereka sendiri sudah beriltizam untuk insaf dan berubah. Semoga dengan adanya ruang untuk peluang kedua ini kita dapat mengurangkan statistik bilangan bekas penagih yang kembali menagih dadah.

**Penulis Timbalan Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan UPM**



Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

